

KUALA LUMPUR, 10 SEPT. 1976 (BERNAMA) - DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN ADA +KENYATAAN DAN ANGKA-ANGKA + UNTUK MEMBUKTIKAN BAHAWA JUMLAH PERBELANJAAN MELAKSANAKAN SHOR SURUHANJAYA IBRAHIM ALI TILAH SEBANYAK \$500 JUTA.

+SAYA ADA KENYATAAN DAN ANGKA-ANGKATANYA DAN SYA AKAN KELUARKAN BILA SAMPAI MASANYA,+ KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DALAM SATU PERTEMUAN DENGAN WARTAWAN DI PEJABATNYA.

PENGERUSI SURUHANJAYA ITU TAN SRI IBRAHIM ALI DALAM SURAT YANG DISIARKAN DALAM SEBUAH AKHBAR KELMARIN BERKATA JUMLAH PERBELANJAAN BAGI MELAKSANAKAN SYOR SURUHANJAYA ITU BAGI SELURUH NEGARA TILAH KIRA-KIRA \$373 JUTA.

DR. MAHATHIR MENJELASKAN ANGKA SURUHANJAYA ITU BERDASARKAN ANGKA PERJAWATAN TAHUN 1974 DAN TIDAK MEMPERHITUNGKAN PER-KEMBANGAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM DAN LAIN-LAIN PERKHIDMATAN KERAJAAN SELEPAS ITU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BAGI BEBERAPA TAHUN LALU PERBELANJAAN SEMASA KERAJAAN DAN HASIL PENDAPATAN SEKADARKAN SEIMBANG DAN KENAIKAN GAJI YANG BESAR AKAN MEMERLUKAN CUKAI BARU.
--BERNAMA 1B15/BY

+WALHAL DIMASA LALU, PENDAPATAN KERAJAAN MELEBEHI DARI PERBELANJAAN SEMASA, MENINGGALKAN SEJUMLAH WANG UNTUK PEMBANGUNAN. DI TAHUN-TAHUN KEBELAKANGAN INI, PENDAPATAN HANYA CUKUP UNTUK MENAMPUNG BELANJA PENTADBIRAN.+ 9

DENGAN ITU, AKAUN SEKARANG DIGUNAKAN SEPENUHNYA OLEH PENTADBIRAN NEGARA DAN SEMUA PEMBANGUNAN BERGANTUNG KEPADA BIAYA MELALUI PINJAMAN.

+JIKA GAJI NAIK, INI BERERTI CUKAI BARU MESTI DIKENAKAN UNTUK MENDAPATKAN WANG BAGI MENAMPUNG PERBELANJAAN YANG BERTAMBAH DAN CUKAI BARU ITU PULA AKAN MENINGGIKAN BELANJA HIDUP RAKYAT,+ TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN CUBA BERSIKAP ADIL KEPADA RAKYAT KESELURUHANNYA BUKAN SAJA KEPADA KESATUAN-KESATUAN. +JANGAN LUPA, KESATUAN HANYA BERCAKAP MENGENAI NASIB 500,000 ORANG, SEDANGKAN KERJAAN MEMIKIRKAN NASIB SELURUH 11 JUTA RAKYAT.+

APA JUGA GAJI YANG DIBAYAR KEPADA KAKITANGAN AWAM, BELANJA INI AKAN DITANGGUNG OLEH ORANGRAMAI, BUKANNYA OLEH PARA MENTERI. AKHIRNYA, RAKYATLAH YANG TERPAKSA MEMBAYAR. -- BERSAMBUNG 1B45/1B

EE

B612

MAHATHIR - GAJI 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENEGASKAN, WALAUPUN KERAJAAN MENGHARGAI USAHA KESATUAN-KESATUAN MENDAPAT KEDUDUKAN YANG LEBIH BAIK BAGI AHLI-AHLINYA, KERAJAAN JUGA TERPAKSA MEMIKIRKAN SEJUMLAH BESAR RAKYAT YANG BEKERJA SENDIRI SEPERTI PETANI YANG TIDAK BOLEH +MENUNTUT KENAIKAN GAJI+ TETAPI TERPAKSA MENDERITA BILA PERBELANJAAN MELAMBUNG NAIK.

+KAMI MESTI BERTANGGUNGJAWAB KEPADA RAKYAT KERANA RAKYATLAH YANG MEMBAYAR GAJI BILA GAJI KAKITANGAN KERAJAAN DIKAJI SEMULA -- MELALUI CUKAI ATAU KENAIKAN BELANJA HIDUP.+

DARI ITU, KERAJAAN PERLU MENKKAJI CADANGAN IBRAHIM ALI DARI SEGI KEMAMPUAN KERAJAAN UTUK MEMENUHI PERBELANJAAN SEMASA YANG BERTAMBAH.

+KAMI TIDAK MENOLAK PERLU NYA KAJIAN SEMULA TANGGAGAJI. TETAPI KEADAAN TIDAK SEIMBANG MESTI DIHAPUSKAN. INILAH SEBABNYA SURUHANJAYA IBRAHIM ALI DILANTIK,+ JELAS TIMBALAN PERDANA MENTERI.

BAGAIMANAPUN, KEMAMPUAN KERAJAAN MENINGGIKAN TANGGAGAJI ADALAH TERHAD. INILAH SEBABNYA KERAJAAN PERLU MENKKAJI KESAN-KESAN LAPURAN ITU BAGI MENENTUKAN SAMA ADA KERAJAAN MAMPU MEMBAYARNYA. -- BERSAMBUNG 1902/HS

92

B617

MAHATHIR - GAJI 4 KUALA LUMPUR

UNTUK KAJIAN INI, KERAJAAN MEMERLUKAN SEKURANG-KURANGNYA ENAM BULAN KERANA TIDAKLAH MUDAH MERANGKA BELANJA KERANA KEDUA-DUA BELANJA PERINGKAT NEGERI DAN PERSEKUTUAN TERLIBAT.

MENGENAI PERUBAHAN YANG DIKEHENDAKI KERAJAAN DALAM LAPURAN IBRAHIM ALI, DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MAHU MEMPASTIKAN PELAKSANAAN LAPURAN ITU AKAN MERAPATKAN JURANG ANTARA GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH DENGAN GOLONGAN BERPENDAPATAN TINGGI.

+KAMI TIDAK MAHU DITUDUH MENAMBAHKAN LAGI KEKAYAAN ORANG-ORANG YANG TELAH KAYA DAN MEMBURUKKAN LAGI KEADAAN ORANG-ORANG YANG MISKIN.+

ADA KEMUNGKINAN BEBERAPA CADANGAN GAJI AKAN DITAMBAH, SEMENTARA CADANGAN GAJI YANG LAIN DIKURANGKAN. MEMANG TIDAK DINAFIKAN YANG SEMUA PEKERJA AKAN MENDAPAT KENAIKAN GAJI, TETAPI SOALNYA IALAH BERAPA BANYAK KENAIKAN HARUS DIBERI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENOLAK TUDUHAN BAHAWA KERAJAAN MENGGUNAKAN ISSUE LAPURAN IBRAHIM ALI UNTUK MEMESUNGKAN PERHATIAN DARI ANCAMAN KOMINIS.

+INI KARUT. KAMI MAHU MENUMPUKAN USAHA MENGATASI MASAALAH KOMINIS DAN INILAH SEBABNYA KAMI TIDAK MAHU MASAALAH SEPERTI INI MEMESUNGKAN PERHATIAN KITA. BAGAIMANAPUN KITA DAPAT MENENTANG KOMONIS DENGAN KEADAAN YANG SEMIKIAN,+ KATA DR. MAHATHIR. -
BERNAMA 1910/HS